



SIARAN MEDIA

ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 18 HINGGA 31 MAC 2020

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

1. Pada pemantauan yang dijalankan masuk hari ketiga perintah kawalan pergerakan, pihak MPS mendapati orang ramai terutama penjaja masih berdegil dan mementingkan diri dengan menjalankan perniagaan mereka.
2. Setakat hari ini, MPS telah melakukan pemeriksaan ke atas lebih 769 premis dan penjaja di seluruh kawasan pentadbiran Selayang dan mengeluarkan sebanyak 59 arahan notis tutup dan 178 amaran lisan. Kesemua penjaja tepi jalan tanpa premis kekal juga telah diberi amaran dan diminta untuk menghentikan perniagaan mereka selaras dengan arahan YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang dikeluarkan pada 19 Mac 2020.
3. Tuan YDP MPS dalam operasi pemantauan beliau semalam juga telah melawat beberapa kawasan rekreasi awam seperti kolam air panas Selayang dan mendapati masih terdapat orang awam yang datang ke kawasan tersebut. Untuk makluman, semua kawasan awam, taman-taman, kawasan rekreasi dan sebagainya adalah ditutup kepada orang awam.
4. Pihak MPS sekali lagi ingin menyeru kepada orang ramai agar mematuhi arahan kerajaan untuk berada di rumah dan hanya keluar untuk urusan penting sahaja sepanjang tempoh ini. Individu yang gagal untuk mematuhi perintah kawalan pergerakan di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 boleh diambil tindakan di bawah peraturan 7 yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM1,000 (Satu Ribu Ringgit) ataupun dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.
5. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Khas MPS yang akan beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, Jam 8 pagi hingga 5 petang di hotline 03-61389898 atau talian bebas tol di 1800-222-677. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

Dikeluarkan Oleh:

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

7.00 PM
20 Mac 2020